

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN HARI KEBANGSAAN YANG KE 26

TEMPAT: MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA

TARIKH: 30 AUG 1983

MASA:

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan Selamat Malam kepada semua rakyat Malaysia.

Esok iaitu pada 31hb. Ogos, 1983 genaplah negara kita Malaysia berusia 26 tahun.

2. Alhamdulillah, dengan limpah rahmat, dan hidayat Allah Subhanahu Wataala, dan dengan persefahaman dan muafakat, kita telah dapat menghadapi berbagai cabaran pada tahun ke-26 kita merdeka. Keadaan kemelesetan ekonomi antarabangsa masih berterusan. Walaupun ada tanda-tanda yang menunjukkan keadaan sudah mula menjadi semakin baik, kita mestilah berhati-hati bagi menjamin bahawa segalausaha yang telah dibuat selama 26 tahun untuk membina negara kita tidak terjejas. Tanggungjawab memelihara kemerdekaan dan kehormatan negara bukanlah tanggungjawab pihak-pihak tertentu, seperti para pemimpin, atau pegawai kerajaan, ataupun pihak tentera dan polis semata-mata. Tugas ini merupakan tugas bersama, dan tidak seorang pun yang cintakan negara boleh menganggap dirinya dikecualikan.

3. Peranan utama setiap orang daripada kita dalam memelihara negara yang kita sayangi ini ialah dengan sentiasa memberi keutamaan kepada kepentingan umum dan kepentingan jangka panjang lebih daripada kepentingan diri dan kepentingan jangka pendek. Setiap tindakan kita, walau dalam apa keadaan sekalipun, hendaklah sentiasa mengambil kira keadaan di negara kita, dan sejauh mana sesuatu tindakan itu akan mendatangkan keburukan atau kebaikan kepada masyarakat dan negara akhirnya. Kita harus ingat bahawa tindakan tiap seorang walaupun kecil kesannya tetapi amat berkesan apabila dijumlahkan kesemuanya. Sebab itu walau apa pun peranan kita dalam masyarakat, kita tidak boleh memandang ringan akan kesannya. Apa yang terjadi kepada individu atau masyarakat adalah balasan kepadanya. Jika dibuat baik, baiklah balasannya. Jika buruk, buruklah balasannya. Allah Subhanahu Wataala maha adil.

4. Peristiwa 13 Mei 1969 telah kita alami sebagai satu peristiwa yang pedih. Baru-baru ini beberapa negara tetangga kita telah mengalami peristiwa berdarah seperti yang kita alami dahulu. Kesan daripada peristiwa-peristiwa seperti ini adalah amat mendalam sekali -- sebagai luka ia meninggalkan parut dan menjadi ingatan sepanjang masa. Oleh itu kita harus berhati-hati supaya perasaan dan emosi tidak

terlalu menguasai tindak tanduk dan fikiran kita pada bila-bila masa sekalipun. Kita tidak harus lupakan hakikat bahawa kestabilan adalah sesuatu yang amat berharga. Sekali tergugat mungkin kita akan kehilangannya buat selama-lamanya. Kestabilan adalah asas kemajuan, dan kemajuan bersama adalah landasan kebahagiaan kita.

5. Walaupun kita sedang menghadapi tekanan kemelesetan ekonomi, kita tidak harus lupa bahawa kita mempunyai peluang keemasan untuk membimbing negara kita ke arah satu tahap kemajuan yang setanding dengan negara-negara maju. Bahkan dari usaha-usaha untuk memperseimbangkan pembangunan kita dengan kemajuan kebendaan dan kerohanian, kita mempunyai asas untuk mencapai kejayaan lebih dari apa yang kita duga. Namun demikian, semuanya ini adalah amat bergantung kepada sejauh mana kita dapat bersama-sama berganding bahu dan berusaha.

6. Di dalam sesebuah negara berbilang kaum seperti negara kita, kemajuan tidak mungkin dicapai melainkan jika kita dapat mengurangkan tumpuan kita kepada soal-soal perbezaan dan kepentingan yang berlainan, dan sebaliknya kita utamakan unsur-unsur persamaan dan kerjasama. Bagi bumiputera, tertinggalnya mereka di belakang berbanding dengan kaum lain, menyebabkan perasaan iri hati dan benci yang ketara. Sebaliknya, bagi bukan bumiputera pula, terganggunya kemajuan mereka kerana perlunya mereka menunggu bumiputera, juga menimbulkan rasa kecewa dan muram. Tetapi, jika emosi diketepikan, maka kedua-dua pihak tentu akan mengaku bahawa tidak mungkin mereka mendapat layanan seratus peratus seperti dikehendaki oleh mereka. Sebenarnya di negara-negara yang penduduknya terdiri dari satu kaum pun, perbezaan taraf sosial - misalnya miskin dan kaya, bandar dan luar bandar, pekerja dan majikan, dan lain-lain. Jika hakikat ini diakui dan diterima, dan dengan senang hati segala urusan diteruskan dengan dedikasi tanpa terlalu dipengaruhi emosi dan sentimen, nescaya kita akan berjaya dan kehidupan menjadi lebih tenang dan aman bagi semua pihak.

7. Maksud perkara ini ditekankan ialah supaya kita terima keadaan yang tidak dapat dielak dan diubahkan ini dengan tenang dan menjalankan tugas-tugas kita. Mereka yang dapat berbuat demikian bukan sahaja akan berjaya tetapi kehidupan mereka akan lebih sempurna dan bahagia. Bagi penduduk Malaysia yang berbilang kaum penerimaan hakikat dan dasar oleh semua pihak akan membolehkan kita bekerjasama antara satu dengan lain dan kerjasama ini tetap akan membawa lebih banyak hasil.

8. Penerimaan dasar dan sekatan-sekatan yang tidak dapat dielak dalam masyarakat majmuk yang tidak seimbang pembangunannya hendaklah dilakukan secara ikhlas. Melepas batuk di tangga atau pengamalan dasar secara tidak jujur, umpamanya usahasama di mana Ali tidur atau digalak supaya tidur oleh Baba, bukan sahaja akan menjejaskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tetapi mungkin akan memaksa supaya lebih

banyak masa diperuntukkan untuk mencapai matlamat yang ditentukan. Oleh itu amalkanlah Dasar Ekonomi Baru dengan jujur. Lebih cepat matlamat ini dicapai, lebih pendeklah masa yang diperlukan untuk menjayakan dasar. Dasar Ekonomi Baru bukan sahaja soal angka-angka matlamat yang dicapai, tetapi lebih penting dari itu ialah keseimbangan kecekapan dan kebolehan. Jika ini sudah dicapai maka segala pertandingan antara kaum, apabila berlaku, tidaklah akan menjadi pertandingan yang tidak adil, di mana satu pihak jauh lebih kuat dan berkeupayaan dari pihak yang ditandinginya. Keupayaan bertanding dengan asas-asas yang sama dari semua aspek akan membawa keyakinan kepada semua pihak dan mengurangkan perasaan syak wasangka antara kaum.

9. Dalam kita berusaha menjalankan berbagai kegiatan pembangunan, janganlah kita lupa bahawa di dalam zaman moden ini terdapat berbagai gejala yang boleh merosakkan masyarakat. Di antara gejala ini ialah pengaruh dadah. Dadah adalah amat merbahaya sekali kerana ia boleh melemahkan keseluruhan ketahanan kita sehingga kita dengan mudah boleh ditewaskan oleh orang lain. Sebenarnya dadah boleh dan mungkin dijadikan alat oleh musuh kita untuk menghancurkan kita. Keluarga yang mempunyai anggota yang terlibat dengan dadah tentu tahu akan penderitaan yang dialami. Dan masyarakat yang dipenuhi dengan penagih dadah akan menderita sama seperti keluarga yang terlibat. Oleh itu perangilah dadah seperti kita perangi syaitan.

10. Bersempena dengan Hari Kebangsaan negara kita kali ini, marilah kita bersama-sama berusaha meningkatkan persefahaman untuk mengukuhkan lagi ketahanan kita dalam menghadapi cabaran-cabaran semasa dan akan datang. Negara Malaysia adalah negara kita dan kita amat bertuah menjadi anak watannya. Bersama-samalah kita menggembeleng fikiran dan tenaga ke arah kemajuan dan kesejahteraan negara kita. Selamat sejahtera.
Wabillahi taufik walhidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.